

Kerajaan sedia kaji soal pendidikan sentuh kepentingan Melayu

um - 7/11/2006

JOHOR BAHRU 6 Nov. - Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn menegaskan, kerajaan sentiasa bersikap terbuka kepada pandangan menyokong dan menentang ahli-ahli UMNO mengenai soal pendidikan khususnya yang menyentuh kepentingan Melayu.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Pelajaran memberi jaminan, pihaknya akan memberi perhatian serius kemahuan UMNO Johor supaya dilakukan kajian semula keberkesanan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains kepada pelajar-pelajar Melayu.

Menurut beliau, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga selaku Pengerusi Biro Pendidikan UMNO sendiri telah memberikan perhatian terhadap cadangan itu dan kesediaannya mengkaji semula dasar yang ada demi kepentingan agenda Melayu.

Hishammuddin berkata, perubahan yang bakal dilakukan bakal mengambil kira mengenai kepentingan pelajar-pelajar yang kini sedang mengikuti mata pelajaran tersebut dalam bahasa Inggeris.

Katanya, ia akan diambil kira melalui kajian dan beberapa modul yang sedang dilaksanakan mengenai keberkesanan dasar tersebut ke atas pelajar-pelajar yang akan menamatkan pengajian mereka peringkat menengah pada tahun 2008.

"Yang penting dan perlu difahami kajian semula dasar ini tidak bermakna UMNO menidakkan kepentingan penggunaan bahasa Inggeris kepada rakyat Malaysia," katanya ketika ditemui selepas majlis penutupan Konvensyen UMNO Johor 2006, di sini hari ini.

Resolusi Konvensyen UMNO Johor 2006 yang berakhir di sini hari ini yang mahu penggunaan bahasa Inggeris dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut ditolak.